

Alumni FPP rai para pelajar B40 dan M40 dalam majlis iftar

UB28-5. 2019 A6

KOTA KINABALU: Alumni Fakulti Psikologi dan Pendidikan (AFPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Majlis Iftar Ukhwah AFPP di sebuah hotel di sini.

Pengarah Program Hajah Hairuni Kasuagi berkata, majlis itu antara lain sebagai medan perjumpaan para alumni melalui acara berbuka puasa bersama-sama di samping penyampaian sumbangan raya kepada para pelajar B40 dan M40 Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP).

"Dalam masa yang sama, majlis ini turut dianjurkan untuk menyemarakkan sambutan 25 tahun penubuhan UMS sekali gus sebagai satu usaha merapatkan silatullahim antara alumni, para pelajar dan pensyarah FPP.

"Majlis ini bukan sekadar iftar biasa tetapi untuk berkongsi bersama kegembiraan dengan para pelajar yang kurang berkemampuan dalam menyambut bulan Ramadan," katanya.

Majlis perasmian Iftar Ukhwah AFPP disempurnakan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Dr Soon Singh Bikar Singh mewakili Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan Prof Dr Hj Ismail Ibrahim.

Dalam ucapannya, Soon berkata majlis itu merupakan majlis kali kedua yang dianjurkan AFPP dan merupakan aktiviti tahunan yang ketiga bagi sesi 2019.

"Saya sangat berterima kasih kerana majlis ini sentiasa mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pegawai kerajaan Persekutuan dan negeri, alumni FPP, orang awam, badan bukan kerajaan (NGO) serta para pensyarah FPP.

"Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kerana seramai 76 pelajar FPP yang kurang berkemampuan dari pelbagai latar belakang dan agama turut hadir ditaja oleh Alumni FPP dan orang awam," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi AFPP Francis Au berkata, majlis seumpama itu boleh dijadikan sebagai platform perkongsian pengalaman bagi memberi motivasi kepada pelajar B40 dan M40 FPP

untuk terus cemerlang di universiti.

"Saya berharap majlis ini dapat terus dilaksanakan pada masa-masa akan datang," katanya yang juga merupakan Setiausaha Sulit kepada Ketua Menteri Sabah.

Majlis Iftar Ukhwah turut dimeriahkan dengan cabutan bertuah, penyampaian sumbangan hari raya dan persembahan lagu oleh Farhan Akim.

Ia dijayakan dengan tajaan daripada beberapa pihak termasuk AVON, Hotel Grand Borneo, ahli Alumni FPP, NGO dan orang perseorangan.

Hadir sama, mantan dekan FPP, Prof Dr Hj Dahlan Haji A Malek dan Pegawai Psikologi Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS Muhammad Jumrat.



PENYAMPAIAN cenderahati selepas majlis perasmian kepada Soon.